

14/11/1997

Kementerian cadang gabung PJJ

Syuhada Choo Abdullah

KEMENTERIAN Pendidikan bercadang mewujudkan sebuah konsortium mewakili semua universiti tempatan bagi membolehkan institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan melaksanakan kaedah pendidikan jarak jauh (PJJ) yang sama.

Sehubungan itu Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata secara dasarnya melalui mesyuarat dengan Naib-Naib Canselor, kementerian mengarahkan pihak universiti tempatan untuk mewujudkan konsortium terbabit.

Melalui langkah itu, katanya, perbelanjaan besar akan dapat dijimatkan berbanding jika setiap universiti menjalankan cara pelaksanaan PJJ masing-masing yang menyebabkan infrastruktur telekomunikasi dan multimedia tidak dapat digunakan secara optimum.

Setakat ini, beliau berkata, pembentukan konsortium berkenaan bertumpu kepada universiti awam tetapi kementerian tidak menolak kemungkinan bekerjasama dengan universiti swasta kelak.

"Oleh itu, pihak universiti sedang membuat kertas kerja mengenai cara menjayakan konsep secara konsortium berkenaan di kalangan semua universiti tempatan.

"Selain itu, kita akan menggubal satu nama baru bagi menggantikan PJJ yang tidak memberi makna tepat kepada konsep pengajaran dan pembelajaran ini," katanya selepas merasmikan majlis pembukaan Persidangan Kaunselor dan Guru Asia Tenggara (SEATCCO) ke-17 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar semalam bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu program PJJ universiti terbuka tempatan dibuka kepada negara Asean dan Asia bagi menyiapkan pelajar negara ini menghadapi cabaran bekerja serta hidup dalam persekitaran sejagat.

Justeru ketika berucap melancarkan Pameran dan Persidangan Tahunan Ke-11 Persatuan Universiti Terbuka Asia di Pusat Dagangan Dunia Putra, kelmarin, Dr Mahathir menjemput semua negara ahli persatuan berkenaan untuk menimbang cadangan melaksanakan program PJJ yang merentasi sempadan negara anggota.

Najib berkata, beberapa konsep akan dikaji, termasuk universiti terbuka di luar negara, malah beliau sendiri sudah menyaksikan cara pengendalian pengajaran dalam bentuk sedemikian di United Kingdom.

"Mereka (pihak universiti tempatan) akan berjumpa dengan saya, tidak lama lagi, dengan konsep dan pelan tindakan supaya kita boleh menjurus terhadap pendidikan yang hampir kepada bentuk universiti terbuka.

"Bagaimanapun, takrif universiti terbuka itu adalah berbeza mengikut negara," katanya.

Sementara itu ketika ditanya mengenai penahanan seorang Profesor Universiti Malaya (UM) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai terbabit dengan penyebaran ajaran Syiah pula, Najib berkata, kerajaan memandang berat terhadap sebarang fahaman yang boleh mengancam keselamatan negara.

Beliau berkata, kementerian akan memberi kerjasama penuh kepada pihak polis untuk menentukan pengambilan tindakan sewajarnya supaya sebarang perkembangan yang boleh mengancam keselamatan negara dapat dibendung.

(END)